



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

jurnal **INOVASI** **MALAYSIA** (JURIM)

INSTITUT KUALITI dan PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

EDISI 01, ISU 02

ISSN 2600-7606

MEI 2018

JURNAL INOVASI MALAYSIA (JURIM)

Ketua Editor

Prof. Dr. Hjh Roziah Janor
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Ketua Editor Eksekutif

Dr. Aida Firdaus Muhammad Nurul Azmi
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Timbalan Ketua Editor Eksekutif

Dr. Nik Azlin Nik Ariffin
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pengurusan Jurnal

Pn. Nor Nazifah Abd. Jamil, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Hairina Ahmad Bakri, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Fairuzah Zaharos Mansor, AMN, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Lembaga Editor

Prof. Madya Dato' Dr. Hilmi Ab. Rahman, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Dr. Thuraiya Mohd, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En. Darus Kasim, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En. Mohd Ehsan Amin, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En. Shamsol Shafie, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Tn. Hj Anuar Hashim, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Ust. Husaini Ab Razak, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En Abdul Manap Desa, TELEKOM, Malaysia
Dr. Zulhasni Abdul Rahim, Universiti Teknologi Malaysia
En. Razif Dasiman, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pewasit

Tn. Hj Poazi Rosdi, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Dr. Nurul Nadwan Aziz, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Dr. Teh Hong Siok, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Dr. Ahmad Sufian Abdullah, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En. Nik Hazlan Nik Hashim, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Sairah Saien, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Norafiza Mohd Hardi, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Zaidatulhusna Mohd Isnani, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Suzanna Yusof, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Fatin Nadzirah Zakaria, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En. Rasdi Deraman, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En. Al Bakri Mohammad, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
PM Dr. Zailani Abdullah, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
En. Budiman Ikhwandee Fadzilah, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia
Pn. Siti Lydiawati Sahmat, Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia
Dr. Noor Afiza Badaluddin, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia
Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Fotografik

En. Mohd Suhaimi Juhan, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Laman Sesawang

Pn. Siti Nor Juhirniza Mior Mohd Tahir, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

@Penerbit UiTM, UiTM 2018

ISSN 2600-7606

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi da isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

E-mel: penerbit@salam.uitm.edu.my

Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM) adalah jurnal dari Unit Inovasi dan Kreativiti, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Blok A, Tingkat 5, Bangunan Akademik 2, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. E-mail : KIK_UiTM@salam.uitm.edu.my

Pandangan pendapat dan cadangan teknikal yang dinyatakan oleh penyumbang dan pengarang adalah dari penulis sendiri dan tidak semestinya mencerminkan pandangan para editor, penerbit dan universiti.

Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)

Edisi 1 No. 2

Mei 2018

ISSN 2600-7606

1. **Penggunaan Alat Bantuan Belajar bagi Meningkatkan Kemampuan Berfikir Pelajar** 1
(Use of Learning Aids on Advancing Students' Thinking Ability)
Faiz Zulkifli, Rozaimah Zainal Abidin, Zurina Mansor, Mohd Hafiz Mohamad Hamzah dan Faridah Zulkipli

2. **Kiosk dalam Talian bagi Meningkatkan Bilangan Projek Keusahawanan Pelajar (ENT300) Berasaskan Sains dan Teknologi** 23
(Online Kiosk for Improving the Number of Students' Entrepreneurship Projects (ENT300) Based on Science and Technology)
Noor Azrin Zainuddin, Shamsatuan Nahar, Norzarina Johari, Farah Suraya Md Nasrudin, Noraisyah Abdul Aziz, Nur Diana Zamani, Nurulzulaiha Suhadak dan Nor Fauziah Abu Bakar

3. **Pembangunan Senarai Semak untuk Mendapatkan Data-data Sensitif (HSD) dalam Penyelidikan** 37
(Development of Checklist for Assessing Highly Sensitive Data (HSD) in Research)
Zurina Md. Nen, Nur Zafifa Kamarunzaman, Mazlan Che Soh dan Sarina Othman

4. **Penambahbaikan Permohonan Lawatan Akademik Secara Manual kepada Pembangunan Sistem e-Lawatan Akademik Versi 1** 53
(Upgrading of the Manual Academic Trip Applications to e-Academic Trip Version 1)
 Thuraiya Mohd, Nor Azalina Yusnita Abd Rahman, Nur Hanim Ilias, Azran Mansor, Siti Fairuz Che Pin, Asma Senawi dan Nur Afni Deraman
5. **Meningkatkan Keputusan Ujian Bahasa Mandarin melalui Inovasi Aplikasi “e-Kosa Kata”** 69
(Enhancing Mandarin Test Results through the Innovation of “e-Kosa Kata” App)
 Teh Hong Siok, Goh Chin Shuang dan Noor Aizah Abas
6. **Penggunaan Aplikasi Verve App bagi Pengurusan Fasilitas Sukan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU)** 83
(The Use of Verve App for the Disabled in Managing Navigation Sport Facilities)
 Mazlina Mahdzar, Muhammad Anwar Haziq Mohd Yunus, Nurfarah Idayu Abdul Halim dan Shamirra Zhulliana Zainal Abidin
7. **Sistem ‘Indus-Train’: Medium Pemantauan dan Penilaian Pelajar Semasa Latihan Industri** 93
(‘Indus-Train’ System: A Medium of Monitoring and Evaluation of Students during Industrial Training)
 Amminudin Ab Latif, Rohaya Alias, Mohd Fairuz Bachok, Nur 'Ain Mat Yusof, Farah Wahida Mohd Latib, Ahmad Rasidi Osman, Duratul Ain Tholibon, Ainamardia Nazarudin, Wan Zukri Wan Abdullah, Mohd Razmi Zainudin dan Mohd Risham Jaafar
8. **Penggunaan Aplikasi MApEC dalam Pembelajaran Terminologi Asas Bahasa Inggeris** 111
(The Use of MApEC in Learning English Language Terminologies)
 Rafidah Kamarudin, Muhamad Izzat Rahim, Norfazlika Abd Karim, Sharifah Sheha Syed Aziz Baftim, Zainon Ismail dan Mazliyana Zainal Arifin

**9. Kalkulator Garis Panduan Kemudahan Awam
untuk Pembangunan Perumahan Mapan
(Public Facilities Guidelines Calculator for Sustainable
Housing Development)**

125

*Norainah Abdul Rahman Nor Liza Saad,
Kamariah Abdullah, Nur Shaffiqah Muhammad Soffian,
Aizazi Lutfi Ahmad dan Nor Ashikin Ab Manan*

Penambahbaikan Permohonan Lawatan Akademik Secara Manual kepada Pembangunan Sistem e-Lawatan Akademik Versi 1 (Upgrading of the Manual Academic Trip Applications to e-Academic Trip Version 1)

Thuraiya Mohd¹, Nor Azalina Yusnita Abd Rahman², Nur Hanim Ilias², Azran Mansor², Siti Fairuz Che Pin², Asma Senawi², Nur Afni Deraman³

¹*Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Akademik, Hal Ehwal Akademik,*

²*Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur,*

³*Fakulti Komputer Sains dan Matematik,*

Universiti Teknologi MARA (Perak), Seri Iskandar, 32610, Perak,

E-mel: thura231@perak.uitm.edu.my

Accepted Date: 18 September 2017

Received Date: 25 Mei 2018

ABSTRAK

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) melibatkan beberapa aktiviti dan kaedah yang dilaksanakan secara berterusan ke arah menyediakan pendidikan komprehensif dan efektif. Ia tidak terhad kepada penyampaian syarahan di dalam bilik kuliah sahaja. Kini, kaedah P&P lebih menjurus kepada pendedahan secara praktikal dan pengalaman antaranya melalui kaedah lawatan akademik pelajar. UiTM (Perak) turut melaksanakan kaedah ini sebagai salah satu metod pengajaran yang ditekankan dalam kurikulum. Namun begitu, proses permohonan aktiviti lawatan akademik pelajar yang kurang efisien seringkali menjadi permasalahan yang mengganggu proses P&P di UiTM (Perak). Justeru, kertas kerja ini membincangkan kelemahan dalam proses permohonan lawatan akademik pelajar sedia ada dan cadangan untuk penambahbaikan. Penemuan daripada kajian empirikal ini telah mendedahkan beberapa kelemahan dalam proses permohonan sedia ada antaranya pihak Hal Ehwal Akademik (HEA) sukar untuk membuat pemantauan terhadap permohonan manakala pemohon (pensyarah) pula lambat dan kurang jelas berhubung status permohonan. Keadaan ini telah menyebabkan masalah sampingan berlaku seperti pelajar lewat mendapat wang perbelanjaan lawatan dan kesukaran untuk mendapatkan bas untuk kegunaan lawatan akademik tersebut. Oleh itu, kaedah permohonan atas talian 'e-Lawatan Akademik Versi 1' dibangunkan berorientasikan inovasi

sistem sedia ada. Objektif utama pembangunan sistem ini adalah untuk menambah baik prosedur sedia ada dengan mengambil kira faktor masa, kos dan penyimpanan rekod semasa. Sistem ini lebih efisien dan mudah untuk dikendalikan. Ujilari sistem ini menunjukkan proses permohonan dapat disingkatkan daripada 21 hari (manual) kepada 14 hari (sistem e-lawatan akademik). Selain itu, sistem ini juga dapat menyimpan rekod permohonan dengan lebih sistematik dan menjimatkan kos. Sistem ini amat sesuai diaplikasikan di seluruh UiTM dalam usaha menyediakan program akademik yang berkualiti dan inovatif.

Kata Kunci: e-lawatan akademik, lawatan akademik pelajar, pengajaran dan pembelajaran, sistem pengurusan, proses penambahbaikan

ABSTRACT

Teaching and learning (T&L) process involves several activities and methods that have been continuously carried out (continuously cannot be used with implemented) (either have been continuously carried out or have been implemented) towards providing comprehensive and efficient education, and not limited to delivering lectures in lecture rooms only. Now, the method of T&L is more geared towards practical exposures and experiences through the method of student academic visits. UiTM (Perak) is using this method as one of the teaching methods emphasized in the curriculum. Nevertheless, the lack of efficient application process of student academic visits is a problem that interferes with the T&L process in UiTM (Perak). Hence, this paper discusses the weaknesses in the manual application process for a student academic visit and suggestions for its improvement. Findings from this empirical study revealed some shortcomings in the existing application process, in which it is difficult for the Academic Affairs (HEA) to monitor the application, while applicants (lecturers) are not clear about the status of the application. This situation has caused other problems such as students getting their travel expenses late and difficulty in getting buses for the academic visit. Consequently, the online application of 'Academic e-Visit Version 1' was developed based on the orientation of the existing system innovation. The main objective of this system development is to improve existing procedures by taking into account the time factor, cost and current record keeping. This system is more efficient and easy to control. The implementation of this system indicates that the application process

can be abbreviated from 21 days (manuals) to 14 days (e-Academic Visit Version 1 system). Additionally, it can also keep the application records more systematically and save costs. This system is best suited to all UiTM campuses in an effort to provide quality and innovative academic programs.

Keywords: *e-academic visit, academic visit, teaching and learning, management process, improvement process*

PENGENALAN

Proses pengajaran dan pembelajaran dalam sesebuah universiti sentiasa mengalami evolusi, sejajar dengan keperluan semasa. Dengan wujudnya konsep pembelajaran berasaskan masalah (*Problem Based Learning –PBL*) dan Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome Based Education- OBE*), teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran telah diadaptasikan berlandaskan kepada dua konsep ini. Di samping itu, proses pengajaran dan pembelajaran pada masa kini tidak terhad kepada penyampaian di dalam bilik kuliah sahaja. Pengenalan kepada lawatan akademik juga merupakan salah satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang mana para pelajar berpeluang belajar secara '*experiential*' dalam suatu persekitaran yang autentik. Dengan perancangan yang berasaskan hasil pembelajaran dan pendekatan yang berpusatkan pelajar, lawatan akademik mampu meningkatkan kompetensi dan pengetahuan pelajar selaras dengan kehendak kurikulum.

PENYATAAN MASALAH

Kurikulum pembelajaran yang disediakan mengambil kira matlamat dan falsafah universiti iaitu untuk mengeluarkan graduan yang berwibawa dan dapat menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan, berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai kualiti kepimpinan. Namun begitu, bukan semua pembelajaran berlaku dalam situasi yang formal. Keseimbangan kaedah pengajaran dan pembelajaran digambarkan melalui metodologi yang terkandung dalam sinopsis kursus dan hasil pembelajaran setiap kursus. Kursus-kursus yang disediakan berorientasikan pengajaran dan pembelajaran secara berterusan melalui kaedah syarahan dan tutorial, kajian kes, pembelajaran berasaskan masalah (*PBL*), kajian lapangan dan

pembentangan dalam kelas sama ada secara individu atau berkumpulan. Di UiTM Perak, lawatan akademik merupakan salah satu aktiviti sokongan pembelajaran yang memberi peluang kepada para pelajar menimba ilmu dan pengalaman luar dari bilik kuliah bagi memenuhi keperluan kursus. Namun begitu, kelewatan mendapatkan kelulusan bagi menjalankan aktiviti lawatan akademik sedikit sebanyak telah mengganggu proses pembelajaran itu sendiri. Masalah ini berpunca daripada beberapa faktor antaranya pensyarah tidak jelas terhadap prosedur permohonan lawatan akademik sedia ada, tiada manual prosedur kerja yang jelas disediakan untuk menjadi rujukan pemohon semasa menguruskan permohonan lawatan akademik, masalah borang permohonan hilang, kerenah birokrasi di dalam prosedur serta borang yang dihantar ke BHEA tidak lengkap.

KAJIAN LITERATUR

Konsep Pembelajaran

Konsep pembelajaran adalah berkait rapat dengan konsep pengajaran dan, pembelajaran selalunya berlaku selepas sesuatu pengajaran (Fenstermacher, 1986). Adalah dipercayai bahawa pengajaran menyebabkan pembelajaran, tetapi ada kalanya pengajaran tidak menghasilkan pembelajaran kepada seseorang (Ab. Rahman Selamat, 1990). Menurut Noor Hisham (2011), rukun pembelajaran merangkumi empat entiti iaitu pelajar, perkara yang dipelajari, kaedah pembelajaran dan hasil pembelajaran.

Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE)

OBE memfokuskan kepada pencapaian hasil (*outcomes*) dan objektif yang telah ditetapkan berbanding memfokus kepada proses untuk mencapai ‘*outcomes*’ tersebut dan semua bukti haruslah didokumentasikan sebagai rujukan (Tam, 2014; Mohayidin & Mohd Ghazali, 2008; Killen, R. 2000).

Lawatan Akademik Berasaskan Sistem OBE

Kaedah Pembelajaran Berasaskan Hasil ini lebih efektif dilaksanakan di mana proses pembelajaran secara tidak formal boleh dilakukan seperti mengadakan lawatan akademik ke lapangan (Noelle Higginsa, Elaine Dewhursta & Los Watkinsb Higginsa *et al.*, 2012; Clarke, N. 2005). Penemuan peyelidikan oleh Anderson dan Zhang (2003), menunjukkan bahawa aktiviti lawatan ke industri dan khidmat masyarakat dapat membantu

meningkatkan kemahiran boleh guna pelajar. Program ini seharusnya diperluaskan lagi bagi menggalakkan pelajar untuk mengikutinya. Berdasarkan Jay P. Greene, Brian Kisida dan Daniel H. Bowen Greene *et al.*, (2014), kaedah lawatan berupaya untuk membentuk individu insan yang seimbang.

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan tringulasi kualitatif dan kuantitatif. Ia dilaksanakan melalui kajian tinjauan. Kajian tinjauan bagi kaedah kualitatif dilaksanakan secara etnografi iaitu melalui temu bual dengan pegawai eksekutif HEA yang terlibat secara langsung menguruskan semua permohonan lawatan akademik di UiTM (Perak). Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam daripada BHEA terhadap prosedur permohonan lawatan akademik sedia (permohonan secara manual). Manakala kajian tinjauan bagi kaedah kuantitatif pula dijalankan melalui soal selidik berstruktur terhadap pemohon yang terdiri daripada pensyarah Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur (FSPU). FSPU dipilih sebagai rangka persampelan kerana 95% daripada kursus yang dikenal pasti mempunyai keperluan lawatan akademik sebagai metod sokongan kurikulum pengajaran adalah dari program FSPU. Teknik persampelan bertujuan digunakan bagi mendapatkan responden kajian yang lebih representatif. Seramai 60 pensyarah yang terlibat dalam proses permohonan lawatan akademik dijadikan responden kajian. Pengumpulan data bagi kedua-dua kaedah ini dilakukan pada semester pengajian diploma Disember 2012-April 2013 dan Jun-Oktober 2013.

Data-data daripada transkripsi temu bual dianalisis secara kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan. Manakala data-data daripada kajian soal selidik dianalisis secara kuantitatif menggunakan statistik deskriptif melalui taburan frekuensi dan peratusan.

ANALISIS DATA DAN PENCAPAIAN

Penemuan kajian temu bual; Sistem Permohonan Lawatan Akademik Sedia ada

Lawatan akademik dijadikan sebagai keperluan dalam pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara *OBE* selain daripada penyampaian syarahan di dalam bilik kuliah. Sebanyak 98 subjek kursus daripada program-program yang ditawarkan di UiTM (Perak) yang dikenal pasti mempunyai keperluan melaksanakan lawatan akademik sebagai salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran. Penemuan daripada temu bual dengan pegawai eksekutif HEA yang terlibat secara langsung menguruskan semua permohonan lawatan akademik di UiTM (Perak) menunjukkan bahawa sistem permohonan lawatan akademik yang diamalkan di UiTM (Perak) masa kini adalah secara manual. Ia melibatkan 14 langkah yang perlu dilaksanakan bermula dengan keperluan mengisi borang permohonan secara manual sehinggalah kepada makluman status permohonan secara manual. Proses permohonan secara manual ini memakan masa selama 21 hari. Sebagai langkah persediaan, setiap pensyarah perlu merancang lawatan akademik dan menghantar permohonan lawatan akademik tersebut dua minggu sebelum semester bermula. Namun begitu, menurut pegawai tersebut bahagian hal ehwal akademik (BHEA) sering mendapat aduan berhubung proses permohonan lawatan akademik yang lama dan situasi ini mengganggu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran.

Penemuan kajian soal selidik

Rajah 1 menunjukkan trend terhadap jumlah permohonan lawatan akademik di UiTM (Perak) untuk empat semester bagi pengajian peringkat diploma bermula November 2011 sehingga Oktober 2013. Semester Disember 2012 - April 2013 mencatatkan sedikit penurunan terhadap permohonan lawatan kepada 75 berbanding dua semester sebelumnya. Ini kerana, terdapat beberapa kod kursus telah digabungkan lawatan kerana ia melibatkan pelajar yang sama serta tempat lawatan adalah relevan dengan kehendak *outcome OBE-SCL* kod yang terlibat. Walau bagaimanapun, bagi semester Jun – Oktober 2013, terdapat pertambahan permohonan lawatan akademik menjadi sebanyak 98 permohonan. Ini kerana, pertambahan pelajar serta memerlukan beberapa kumpulan untuk menjalankan lawatan

akademik bagi satu kod kursus. Pecahan kumpulan kecil ini juga akan mempercepatkan proses kelulusan kerana ia melibatkan peruntukan perbelanjaan kurang dari RM5,000. Bagi perbelanjaan melebihi RM5,000, permohonan perlu mendapat kelulusan mesyuarat TAPA yang dijadualkan sekali sebulan di UiTM (Perak).



Rajah 1: Statistik Permohonan Lawatan Akademik di UiTM (Perak) November 2011-Oktober 2013

Sumber: Bahagian Permohonan Lawatan Akademik (TAPA), BHEA, UiTM (Perak) 2013


Hasil daripada soal selidik yang dijalankan terhadap pemohon (Rajah 2), terdapat tiga jenis maklum balas berbeza yang diterima mengenai tahap kefahaman prosedur permohonan sedia ada iaitu pemohon yang tahu secara keseluruhan prosedur sebanyak 49%, kurang pasti sebanyak 49% dan tidak tahu secara keseluruhan prosedur sebanyak 2%. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden masih tidak jelas terhadap prosedur permohonan lawatan akademik sedia ada. Tiada manual prosedur kerja yang jelas disediakan untuk menjadi rujukan pemohon semasa menguruskan permohonan lawatan akademik. Masalah ini sedikit sebanyak memberi kesan dan melambatkan proses permohonan. Peratusan yang sama banyak antara pemohon yang tahu secara keseluruhan dengan yang tahu sebahagian prosedur permohonan adalah mungkin disebabkan pengalaman pemohon membuat permohonan lawatan akademik pada semester-semester sebelumnya tanpa merujuk kepada manual prosedur yang disediakan oleh pihak BHEA.



Rajah 2: Maklum Balas Terhadap Kefahaman Pemohon Tentang Prosedur Permohonan Lawatan Akademik Sedia ada di UiTM (Perak)

Sumber: Maklum Balas Soal Selidik Responden, 2013

Rajah 3, menunjukkan maklum balas responden terhadap masalah yang sering dihadapi mereka semasa mengemukakan permohonan lawatan akademik. Hasil kajian menunjukkan kelewatan dalam memperoleh kelulusan merupakan masalah utama yang sering dihadapi oleh pemohon dalam membuat permohonan. Kelulusan diperoleh lebih daripada 21 hari dari tarikh permohonan dihantar ke BHEA untuk kelulusan. Faktor kelewatan ini mungkin terjadi disebabkan kerenah birokrasi dalam prosedur serta borang yang dihantar ke BHEA tidak lengkap. 18% responden menyatakan pernah mengalami situasi di mana borang permohonan mereka perlu diisi semula kerana hilang semasa sedang menunggu kelulusan. Jumlah peratusan yang sama juga pernah menghadapi keadaan di mana borang permohonan habis atau tiada di rak menempatkan borang di fakulti.



Rajah 3: Jenis Masalah Sering Dihadapi Pemohon Semasa Mengemukakan Permohonana Secara Manual

Sumber: Maklum Balas Soal Selidik Responden, 2013

Jadual 1 menunjukkan hasil kajian berhubung kesan sampingan yang dihadapi oleh responden berhubung masalah permohonan. Antara kesan yang dihadapi adalah tarikh lawatan terpaksa dipinda sebanyak 38% daripada responden pernah mengalaminya. Situasi ini tentu sekali akan menjejaskan pelan pengajaran yang telah disusun oleh pensyarah bagi semester yang terlibat khusus bagi mematuhi kehendak *OBE-SCL*. Ini diikuti oleh wang pendahuluan pelajar untuk aktiviti lawatan akademik tidak dapat diberikan kepada pelajar sebelum lawatan akademik dilakukan dengan peratusan sebanyak 32%. Manakala kesan seterusnya adalah permohonan kenderaan tidak diluluskan oleh unit kenderaan (28%) dan kesan-kesan lain sebanyak 2%.

Jadual 1: Kesan Sampingan yang Dihadapi Berhubung Masalah Permohonan

Perkara	Peratus
Tarikh lawatan terpaksa dipinda (menjejaskan perancangan P&P)	38%
Permohonan kenderaan tidak lulus	28%
Wang pendahuluan gagal diperoleh sebelum lawatan	32%
Lain-lain	2%
Jumlah	100%


Sumber: Maklum Balas Soal Selidik Responden, 2013

PENYELESAIAN KREATIF DAN INOVATIF AKHIR; PEMBANGUNAN SISTEM E-LAWATAN AKADEMIK VERSI 1

Justeru, sebagai langkah penambahbaikan, satu sistem permohonan lawatan akademik atas talian telah dibangunkan berorientasikan inovasi sistem sedia ada iaitu. Sistem e-Lawatan Akademik Versi 1. Sistem ini mula diperkenalkan pada Mac 2013 sebagai satu aplikasi baharu dalam sistem pembelajaran dan pengajaran di UiTM Perak.

Proses ujilari sistem telah dijalankan melibatkan lima pihak utama yang terlibat iaitu pemohon (pensyarah), pegawai yang menyokong/meluluskan (KoF dan KeF) pihak BHEA (TRHEA dan pegawai eksekutif HEA), pihak unit kenderaan, dan pejabat bendahari. Faktor yang diukur adalah dari segi masa yang diambil bagi melengkapkan keseluruhan proses, kos terhadap proses dan juga kaedah penyimpanan rekod permohonan secara

lebih sistematik dan efisien. Seramai 13 pemohon (pensyarah) dijadikan responden bagi ujilari ini (Rajah 4).



Rajah 4: Tempoh Yang Diambil Bagi Permohonan Lawatan Akademik Secara Manual dan e-Lawatan Akademik


Sumber: Maklum Balas Ujilari, 2013

Penemuan daripada ujilari Sistem e-Lawatan Akademik Versi 1 menunjukkan beberapa faedah diperolehi. Rajah 5 menunjukkan carta alir proses permohonan lawatan akademik sebelum intervensi, manakala Rajah 6 menunjukkan carta alir proses permohonan lawatan akademik selepas inovasi e-Lawatan Akademik Versi 1 dibangunkan. Melalui penggunaan sistem ini, permohonan yang dibuat akan mendapat kelulusan kurang daripada 14 hari. Keadaan ini adalah lebih baik berbanding prosedur sedia ada. Hasil ujilari mendapati semua (100%) responden berjaya mendapat kelulusan dalam tempoh kurang 14 hari berbanding 62% yang mendapat kelulusan dalam tempoh 21 hari, manakala 30% responden pula mendapat kelulusan dalam tempoh 22-60 hari menggunakan prosedur manual dan selebihnya hanya memperoleh kelulusan selepas 60 hari. Melalui sistem e-Lawatan Akademik tempoh masa prosedur telah dapat dikurangkan. Dari segi pencapaian dan faedah pelaksanaan projek penggunaan sistem ini prosedur yang lebih jelas dan mudah dapat dibantu selain daripada menginovasikan kepada prosedur sedia ada. Beberapa cabaran yang sering dihadapi oleh pihak-pihak berkaitan seperti kawalan pergerakan fail, tempoh masa dan kos dapat diselesaikan. Secara ringkasnya hasil pencapaian ujilari yang dijalankan terhadap sistem boleh dirumuskan seperti dalam Jadual 2.


Jadual 2: Pencapaian dan Faedah Pelaksanaan Sistem e-Lawatan Akademik

Bil.	Faedah	Penjelasan
1.	Pemohon mendapat gambaran secara keseluruhan proses permohonan.	Pada paparan awal sistem akan dimasukkan rajah alir proses permohonan. Keadaan ini akan mengatasi masalah 2% dan 49% pemohon yang tidak tahu dan tidak pasti mengenai prosedur permohonan.
2.	Pemohon dapat menjejaki status borang permohonan	Setiap status kelulusan yang diperoleh daripada pihak berkaitan, pemohon akan mendapat notifikasi melalui e-mel staf.
3.	Proses menjadi lebih cepat	Proses mendapatkan kelulusan di pihak HEA telah disingkatkan dari 21 hari kepada 14 hari.
4.	Pelajar dapat memperoleh wang perbelanjaan sebelum lawatan	Pensyarah dapat merancang aktiviti lawatan akademik dalam masa 30 hari berbanding 60 hari lebih awal sebagai langkah berhati-hati sekiranya masalah timbul seperti borang hilang, borang tidak lengkap dan sebagainya. Ia telah diatasi dengan adanya sistem atas talian yang lebih sistematik dan efektif.
5.	Pihak HEA dapat mengatasi masalah pensyarah tidak menghantar laporan lawatan akademik.	Sistem e-Lawatan Akademik akan mengenal pasti pensyarah yang tidak menghantar laporan selepas lawatan dijalankan. Amaran akan diberikan dan permohonan baharu tidak akan diproses sekiranya laporan tidak dihantar.
6.	Proses pembelajaran dan pengajaran yang dirancang oleh pensyarah dapat berjalan dengan lancar	Pensyarah tidak perlu berasa risau dan bimbang atas perancangan lawatan akademik yang ingin dijalankan kerana keputusan permohonan akan diperoleh dalam masa 14 hari. Sekiranya tidak lulus, pensyarah mempunyai masa untuk merancang semula proses pembelajaran dan pengajarannya.

Sumber: Maklum Balas Ujilari, 2013



Rajah 5: Carta Alir Proses Permohonan Lawatan Akademik Sebelum Inovasi e-Lawatan Akademik Versi 1 Dibangunkan



Rajah 6: Carta Alir Proses Permohonan Lawatan Akademik Selepas Inovasi E-Lawatan Akademik Versi 1 Dibangunkan

RUMUSAN

Penemuan kajian ini menunjukkan perlunya perubahan dalam amalan permohonan lawatan akademik sedia ada. Justeru, Sistem e-Lawatan Akademik telah dibangunkan bagi menggantikan prosedur manual menggunakan borang permohonan kepada sistem secara atas talian. Dari segi kawalan pergerakan fail dan tempoh masa ia dapat dilihat dengan jelas oleh semua pihak terlibat dan tempoh masa pemprosesan yang lebih singkat diambil. Pengurangan kos kesan daripada penggunaan sistem ini juga dapat dilihat apabila tidak melibatkan kos-kos cetakan. Diharapkan penggunaan sistem dapat merangsang anjakan perubahan dalam pengurusan permohonan lawatan akademik. Pengurusan permohonan lawatan akademik akan lebih efisien selaras dengan objektif kualiti dan piagam pelanggan UiTM (Perak) iaitu menyediakan program pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan inovatif.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Rektor dan Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Perak atas kelulusan dan sokongan yang diberikan untuk mengimplementasikan Sistem e-Lawatan Akademik Versi 1 tahun 2014. Pelaksanaan program ini diharap dapat menyokong anjakan paradigma UiTM (Perak) dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

PRASYARAT

1. KIK Peringkat UiTM (Perak) kali ke-18. Pingat Emas, 2013.

RUJUKAN

Anderson, D., Kisiel, J., & Storksdieck, M. (2006). Understanding teachers' perspectives on field trips: Discovering common ground in three countries. Curator: *The Museum Journal*, Vol 49, 365– 386.

- Anderson, D., & Zhang, A. (2003). Teacher perceptions of field trip planning and implementation. *Visitor Studies Today*, Vol 4. No 3, 6–11.
- Ab. Rahman Selamat (1990). *Teknologi Sistem Pengajaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn, Bhd.
- Clarke, N (2005). ‘Workplace Learning Environment And Its Relationship With Learning Outcomes In Healthcare’, *Human Resource Development International*, Vol.8, No.2: 44-120.
- Fenstermacher, G. D. (1986). Chapter 2: Philosophy of Research on Teaching: Three Aspects. Dalam: Wittroch, M. ed.
- Jay P. Greene, Brian Kisida and Daniel H. Bowen , (2014), The Educational Value of Field Trips. Winter 2014, Vol 14, No 1.
- Killen, R. 2000. Outcome-based Education: Principles and Possibilities, *Unpublished manuscript*, University of Newcastle, Faculty of Education.
- Mohayidin, Mohd Ghazali (2008). Implementation of Outcome-Based Education in Universiti Putra Malaysia: A Focus on Students’ Learning Outcomes. *International Education Studies*. Vol 1. No 4.
- Noelle Higginsa, Elaine Dewhursta and Los Watkinsb (2012). Field trips as short-term experiential learning activities in legal education. *Jurnal of The Law Teacher*. Vol. 46, 165–178.
- Noor Hisham Md Naw, (2011) *Pengajaran dan pembelajaran: penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan islamisasi ilmu moden*. Dalam: Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011.
- Tam, Maureen (2014). Outcomes-based approach to quality assessment and curriculum improvement in higher education” Quality Assurance In Education. Vol 22. No. 2 158–168.

